

**ULANGKAJI AKHIR TAHUN 2020
TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Jawab semua soalan. Bulatkan SATU sahaja jawapan yang betul bagi setiap soalan.

1. Gambarajah di bawah memaparkan sejenis rangkaian komputer. Apakah jenis rangkaian komputer tersebut?



- A. Rangkaian berwayar
B. Rangkaian internet
C. Rangkaian tanpa wayar
D. Rangkaian akses internet
2. Berikut adalah tujuan rangkaian komputer KECUALI:
- A. Menerima data
B. Perkongsian sumber
C. Capaian maklumat
D. Komunikasi
3. Jannah dan Alisa menyiapkan tugas TMK di makmal komputer sekolah pada komputer yang berlainan tetapi mencetak tugas mereka melalui pencetak yang sama. Apakah kegunaan rangkaian yang ditunjukkan melalui situasi tersebut?
- A. Perkongsian Akses Internet
B. Capaian maklumat
C. Perkongsian Sumber
D. Komunikasi
4. Berikan kegunaan peranti rangkaian komputer di bawah:



- A. Menerima data
- B. Menyalurkan data dari peranti penghantar ke peranti penerima
- C. Menghasilkan data dan menghantarnya ke peranti komunikasi
- D. Menganalisis data

5. Peranti rangkaian komputer ini berfungsi menukarkan isyarat komputer berbentuk digital ke analog dan sebaliknya untuk membolehkan sambungan ke internet melalui talian telefon.

Namakan peranti tersebut.

- A. Penghala
- B. Kad antara muka rangkaian
- C. Hab
- D. Modem

6. Pilih definisi bagi Internet yang paling tepat:

- A. Internet ialah singkatan bagi Internetwork.
- B. Internet merupakan gabungan rangkaian komputer seluruh dunia.
- C. Internet menggabungkan rangkaian komputer seluruh dunia yang menggunakan Protokol Internet.
- D. Internet menggabungkan komputer seluruh dunia melalui pembekal perkhidmatan Internet.

7. AND dan OR ialah contoh operator pencarian _____.

- A. berasaskan simbol
- B. Boolean
- C. berfrasa
- D. sejagat

8. Cara penghantaran mesej kepada sekumpulan kenalan melalui e-mel ialah dengan menggunakan _____.

- A. alamat e-mel
- B. nombor telefon
- C. senarai kenalan
- D. senarai mel

9. Pilih padanan jenis laman web dengan contoh yang betul:

	Jenis Laman Web	Contoh
A	Laman web hiburan	www.bernamanews.com
B	Laman web berita	www.facebook.com
C	Laman web sosial	www.charlieputh.com
D	Laman web organisasi	www.panduputeri.org.my

10. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kebaikan Internet?

- A. Terdedah kepada serangan
- B. Memudahkan urusan
- C. Lambakan maklumat
- D. Maklumat tidak sah

11. Berikut ialah alamat laman blog Tony Stark.




Apakah pembekal tapak blog yang digunakan oleh Tony untuk menghasilkan laman blognya?

- A. Blogspot
- B. Blogdrive
- C. Wordpress
- D. Tumblr

12. Apakah maklumat yang **TIDAK** diperlukan untuk mendaftar laman blog peribadi pada pembekal tapak blog?

- A. nombor telefon
- B. kata laluan
- C. alamat e-mel
- D. nama pengguna

Soalan 13 - 15 adalah berdasarkan data berikut:



13. Paparan data di atas mempunyai padanan **ciri-ciri data**. Apakah ciri-ciri data yang sesuai?
- A. Nama, Jantina, Kelas
 - B. Nama, Umur, Tarikh lahir
 - C. Nama, Kelas, Tarikh lahir
 - D. Nama, Umur, Kelas
14. Pilih pernyataan yang paling sesuai untuk membentuk maklumat bagi data di atas:
- A. Hisham berumur 11 tahun dan belajar di sekolah rendah.
 - B. Murid bernama Hisham berumur 11 tahun dan belajar di kelas 5 Luhur
 - C. Murid berumur 11 tahun bernama Hisham.
 - D. Murid bernama Hisham belajar di kelas 5 Luhur.
15. Apabila kamu membina jadual untuk data di atas, apakah **jenis data** yang perlu dimasukkan untuk ciri data Nama?
- A. integer
 - B. nombor
 - C. teks
 - D. tarikh/masa

Soalan 16 – 18 : Pilih jawapan dengan perkataan yang sesuai untuk melengkapi tempat kosong.

16. Data boleh dikategorikan kepada bentuk _____, nombor, _____, audio dan video.
- A. imej, gambar
 - B. teks, imej
 - C. integer, imej
 - D. teks, integer

17. Maklumat ialah data yang _____ menggunakan cara tertentu sehingga memberi makna kepada penerimanya.
- A. dijana
 - B. dihasilkan
 - C. diproses
 - D. digabung
18. Pangkalan data ialah _____ yang diuruskan secara teratur bagi memudahkan carian dan dapatan semula maklumat tertentu daripadanya.
- A. koleksi data
 - B. kumpulan data
 - C. koleksi maklumat
 - D. dapatan maklumat
19. Aplikasi pangkalan data ialah aplikasi komputer yang dapat menyimpan dan mengurus koleksi data. Pilih satu contoh aplikasi pangkalan data yang betul.
- A. Microsoft Excel
 - B. Microsoft Power Point
 - C. Microsoft Word
 - D. Microsoft Access
20. Yang manakah antara berikut menunjukkan contoh sistem pangkalan data yang digunakan di sekolah?
- A. Inventori Barangan Runcit
 - B. Sistem Tempahan Tiket
 - C. Semakan Kesalahan Trafik
 - D. Sistem Analisis Peperiksaan

(20 markah)

BAHAGIAN B (30 MARKAH)

1. Nyatakan sama ada kegunaan rangkaian bagi setiap pernyataan berikut adalah untuk:

mencapai
maklumat

atau

berkomunikasi

atau

berkongsi
sumber

- a) Niki sedang menggunakan aplikasi Skype secara atas talian untuk berbual secara bersemuka dengan kakaknya yang belajar di luar negara.

(_____)

- b) Zain membuka blog gurunya untuk mendapatkan maklumat tentang tugas kerja rumahnya.

(_____)

- c) Siti dan Nita berkongsi folder pada komputer masing-masing di makmal komputer sekolah untuk menyiapkan tugas.

(_____)

- d) Rahim memuat naik tugas kerja kumpulan ke laman web kelasnya untuk digunakan oleh ahli kumpulan yang lain.

(_____)

(4 markah)

2. Isikan nama peranti rangkaian komputer yang betul.

Penyesuai rangkaian tanpa wayar	Suis	Kabel rangkaian	Kad antara muka rangkaian	Modem	Hab
					
a) _____	b) _____	c) _____			
					
d) _____	e) _____	f) _____			

(6 markah)

3. Isikan sama ada (BETUL) atau (SALAH) untuk setiap pernyataan yang diberikan.

- a) Internet menghubungkan komputer di seluruh dunia melalui satu jaringan yang besar ()
- b) Sekumpulan kenalan yang disenaraikan dalam senarai mel boleh menerima mesej yang sama. ()
- c) WWW ialah singkatan bagi Wild Wide Web. ()
- d) Contoh operator pencarian berfrasa ialah AND dan OR. ()
- e) Laman web memaparkan pos dalam format paparan jurnal. ()
- f) Contoh laman web berita ialah www.bernama.com.my ()

(6 markah)

4. Lengkapkan jadual berikut dengan data dan ciri data yang diberikan berikut. Pastikan data dan ciri data tersebut diisi pada baris yang menunjukkan jenis data yang betul.

Anita	11	Nombor Plat Kenderaan	Jantina
Perempuan	SK Taman Aman	Umur	Jenama kereta
Nama	Proton	Tarikh lahir	25/03/2009
BNT 1200		Nama sekolah	

Data	Ciri Data	Jenis Data
a)	h)	Teks
b)	i)	Teks
c)	j)	Nombor
d)	k)	Teks
e)	l)	Tarikh
f)	m)	Teks
g)	n)	Teks

(14 markah)